

17 OCT 2003

DEKLARASI PUTRAJAYA DIKELUARKAN HARI INI

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menerima pakai resolusi dan mengeluarkan Deklarasi Putrajaya hari ini pada penutup Sidang Kemuncak ke-10 pemimpin-pemimpin Islam di sini.

Para pemimpin itu dijangka menyuarakan sokongan padu kepada rakyat Palestin yang berada di bawah pendudukan tentera Israel.

OIC juga akan menunjukkan semangat kesetiakawanan terhadap Syria berikutan serangan udara Israel ke atas wilayahnya baru-baru ini.

Negara-negara OIC mengadakan perbahasan umum berkaitan isu-isu yang berkemungkinan terkandung dalam pernyataan akhir.

Pengumuman mengenai tarikh dan venue bagi Sidang Kemuncak OIC ke-11 juga dijangka dilakukan tengah hari ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan membacakan Deklarasi Putrajaya semasa sesi penutup.

Ini diikuti dengan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga merupakan Pengerusi Sidang Kemuncak OIC ke-10.

Dr Mahathir akan mengadakan persidangan media selepas itu di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

-- BERNAMA
SKH MAM ROS